

UNDANG-UNDANG BRUNEI

14

PENG. 61

Perikanan

[Tambahan]

UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

PERATURAN-PERATURAN DI BAWAH BAB 5

PERATURAN-PERATURAN PERIKANAN

S. 57/73.

S. 156/81.

Permulaan kuatkuasa : 7 April, 1973.

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Peraturan-peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Perikanan.

BAHAGIAN II

PERATURAN MENANGKAP IKAN

2. Tiada sebarang orang pun boleh, kecuali di bawah syarat-syarat dan penentuan-penentuan sesuatu lesen yang sah atau jika ikan yang ditangkap atau dibunuh itu adalah dimaksudkan semata-mata untuk dimakan oleh nelayan itu dan isi rumah tangganya dan jika tiada sebarang ikan itu dijual, di perairan Negara Brunei Darussalam :

- (a) membina, memelihara, menggunakan atau mengerjakan sebarang kilong ;
- (b) menggunakan bagi maksud menangkap atau membunuh ikan apa jua jenis alat menangkap ikan yang lain.

3. Tiada sebarang orang pun boleh, kecuali di bawah syarat-syarat dan penentuan-penentuan sesuatu lesen yang sah ;

- (a) mengimport ke dalam atau mengeksport dari Negara Brunei Darussalam atau menyinggah di Negara Brunei Darussalam sebarang ikan sama ada hidup atau mati ;

- (b) menjadi sebagai seorang pedagang ikan ;

- (c) menggunakan atau mengerjakan dari Negara Brunei Darussalam sebarang kilong atau alat menangkap ikan yang lain.

4. Tiada sebarang orang pun boleh mengimport, menawarkan untuk dijual, memiliki atau menggunakan sebarang senapang tempuling.

UNDANG-UNDANG BRUNEI

Perikanan

PENG. 61

15

[Tambahan]

BAHAGIAN III

LESEN-LESEN

5. Mana-mana Pegawai Melesen boleh, tertakluk kepada syarat-syarat Akta Perikanan, mengeluarkan kepada mana-mana orang dengan syarat-syarat dan penentuan-penentuan yang boleh ditentukannya, se suatu lesen bagi :

- ~~(a) secebuah kilong;~~
- ~~(b) sebarang alat menangkap ikan yang lain;~~
- ~~(c) penggunaan racun-racun atau letupan letupan;~~
- ~~(d) penjualan ikan di Negara Brunei Darussalam;~~
- ~~(e) pengimportan, penyinggahan dan pengeksportan ikan.~~

6. Bayaran-bayaran yang dinyatakan dalam Jadual kepada Peraturan-Peraturan ini adalah dikenakan berkenaan dengan lesen-lesen dan pembaharuan lesen-lesen.

BAHAGIAN IV

PERANGKAAN

7. Mana-mana nelayan dan mana-mana pedagang ikan hendaklah, setakat pengetahuan dan kepercayaannya, menjawab manakala dikehendaki, segala soalan yang ditanyakan kepadanya oleh seseorang Pegawai Yang Diberi Kuasa yang perlu untuk memperolehi sebarang maklumat yang dikehendaki bagi mengumpul perangkaan-perangkaan berhubung dengan perusahaan ikan.

UNDANG-UNDANG BRUNEI

16

PENG. 61

Perikanan

[Tambahan]

(Aturan 6)

JADUAL

BAYARAN-BAYARAN LESEN

1. Perangkap-perangkap :

| | |
|--|---------------|
| (a) Kilong (Perangkap ikan air dalam yang dibuat daripada pancang-pancang, batang-batang kayu atau sangga-sangga lain dengan amparan-amparan yang direka supaya menyasarkan ikan masuk ke dalam kepungan, dan panjangnya amparan-amparan itu lebih dari 60 depa) | \$ 8.00 |
| (b) Lintau (Perangkap ikan air tohor yang dibuat daripada pancang-pancang, batang-batang kayu atau sangga-sangga lain dengan amparan atau amparan-amparan yang direka supaya menyasarkan ikan masuk ke dalam kepungan, dan panjangnya amparan atau amparan-amparan itu tidak melebihi 60 depa) | \$ 4.00 |
| (c) Bubu (Sebarang jenis perangkap ikan lain yang lebih panjang dari 3 kaki) | \$ 0.40 |
| (d) Kabat (Sebarang perangkap ikan yang dibuat daripada amparan atau amparan-amparan yang menyusur ke dalam belat kurang dari 5 ela panjangnya) | Tiada bayaran |
| Lebih dari 5 ela panjangnya | \$ 4.00 |

2. Jaring-jaring :

| | |
|--|---------|
| (a) Ancau, Paguyut : Sebarang pukat cina (candek) dan sebarang pukat lengkong tidak melebihi 40 ela panjangnya | \$ 1.00 |
| Lebih dari 40 ela panjangnya | \$ 4.00 |
| (b) Tabeh, Pukat : Sebarang pukat lengkong yang tidak melebihi 40 ela panjangnya | \$ 1.00 |
| Lebih dari 40 ela panjangnya | \$ 4.00 |

UNDANG-UNDANG BRUNEI

[Tambahan]

| | |
|--|---------------|
| (c) Andang, Tambak, Panau : Sebarang pukat dalam. Tiap-tiap 200 ela yang dipasang atau sebahagian daripadanya | \$ 4.00 |
| (d) Rantau, Slambau ; Pukat hanyut dan pukat tangkul. Tiap-tiap 100 ela panjangnya yang dipasang atau sebahagian daripadanya | \$ 2.00 |
| (e) Lukong : Sebarang pukat tanggok atau pukat tarik. Tiap-tiap 100 ela panjangnya yang dipasang atau sebahagian daripadanya | \$ 30.00 |
| (f) Panau : Sebarang pukat sudu | \$ 2.00 |
| (g) Rambat : Sebarang jala | \$ 1.00 |
| (h) Pukat Rimau : Sebarang pukat tarik termasuk pukat payang, pukat pancang, pukat apong atau pukat andang dan sebarang jaring lain yang digunakan untuk menangkap ikan di laut dan tidak dinyatakan di atas ... | \$200.00 |
| 3. Tali-tali dan Mata-mata Kail : | |
| Gurit : Tali kail panjang yang memakai lebih dari 2 mata kail, tiap-tiap mata kail | \$ 0.25 |
| 4. Letupan-letupan dan Racun-racun : | Tiada bayaran |
| 5. Penjualan ikan di Negara Brunei Darussalam : | \$ 10.00 |
| 6. Mengimport, Menyinggahkan dan Mengeksport ikan : | \$ 20.00 |